

Kerajaan kaji sebab 9 banduan lari dari penjara — PM

(K)

GENTING HIGHLANDS 7 Dis.
— Kerajaan akan membuat kajian sebab-sebab berlakunya kejadian sembilan orang banduan melarikan diri dari Penjara Sungai Jelok, Kajang pada 1 Disember lalu, kata Perdana Menteri, Dato' Sri.

Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau membetu, kerajaan akan mengambil tindakan tegas terhadap sesiapa yang didapati bersalah dan bertanggungjawab mengakibatkan kejadian itu berlaku.

Hasil daripada kajian itu kata Perdana Menteri, akan dapat membantu kerajaan memperbaiki segala kelemahan yang ada di penjara sehingga membolehkan banduan - banduan itu melepaskan diri.

Mengenai usaha penangkapan semula banduan itu, Perdana Menteri berpuas hati dengan kepayaan pihak polis menangkap beberapa banduan terbabit dalam operasi yang dijalankan.

Beliau berkata demikian kepada para pemberita di sini hari ini sebagai mengulas kejadian sembilan banduan yang melarikan diri daripada Penjara Sungai Jelok, Kajang pada petang Ahad lalu.

Sebelum itu Dato' Sri Dr. Mahathir mengadakan dialog tertutup dengan peserta-peserta seminar kangsaaan 'Ke Arah M&cat Maju Dan Perindustrian: emahami Konsep, Impikasi Dan Cabaran Wawasan 2020' di Genting Highlands di sini hari ini.

Sementara itu, Dato' Sri Dr. Mahathir mengucapkan terima kasih kepada Pentadbiran Makanan dan Dadah Amerika Syarikat (FDA) atas keputusan FDA mengugurkan arahan melabelkan perkataan 'tiada minyak sawit, tiada kolestrol' pada semua bungkus bahan makanan di negara itu mulai tahun depan.

Beliau berkata, langkah FDA itu merupakan bukti bahawa minyak sawit Malaysia tidak merbahaya kepada kesihatan.

Perdana Menteri menjelaskan, tindakan melabelkan perkataan,

LIHAT MUKA 15

- SEBAB 9 BANDUAN LARI DIKAJI

anti minyak sawit seperti yang berlaku sebelumnya adalah berpunca daripada usaha pihak - pihak tertentu di Amerika Syarikat yang berniat tidak baik terhadap minyak sawit Malaysia.

"Pihak berkenaan berjaya memaksa syarikat - syarikat di negara itu supaya mengadakan label menentang minyak tropika seperti minyak kelapa sawit dan minyak kelapa," kata Dato' Sri Dr. Mahathir.

Dato' Sri Dr. Mahathir mene-

gaskan, pihak berkenaan berbuat demikian semata - mata mahu mengurangkan pasaran minyak sawit Malaysia di Arnerika Syarikat agar pasaran minyak kacang soya mereka tidak terjejas.

Ketika ditanya mengenai rancangan kereta kedua Malaysia selepas Proton Sgea, Perdana Menteri memberitahu, syarikat pengeluar kereta Daihatsu yang sebelum ini menunjukkan minat, telah menghantar penilaian terakhimya

mengenai projek itu kepada kerajaan.

"Daihatsu berpendapat rancangan itu munasabah kalau kerajaan menetapkan beberapa syarat tertentu," katanya.

Dato' Sri Dr. Mahathir memberitahu, perkara tersebut sedang dikaji oleh kerajaan.

Beliau juga memberitahu, kerajaan akan membuat kajian berhubung permohonan yang sarn dari syarikat pengeluar keret Peugeot.